



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/07**

- NAMA MATA PELAJARAN : TAMADUN ISLAM DAN
TAMADUN ASIA
- KOD MATA PELAJARAN : UMA 1162
- KURSUS : BBM/BDI/BDP/BDT
BEM/BEP/BER/BET
BFA/BFB/BFP
- TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
- JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT
- ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DAN
HITAMKAN JAWAPAN PADA
BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA
KERTAS SOALAN INI KELUAR
DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 MUKA SURAT

- S1 _____ membincangkan kelahiran agama dalam teori kitaran.
- A Ibnu Khaldun
 - B Darcy Riberio
 - C Malik Bennabi
 - D Arnold Toynbee
 - E Samuel Huntington
- S2 Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai penempatan tamadun awal manusia
- A Tamadun Cina di Lembah Sungai Kuning.
 - B Tamadun Mesir kuno di Lembah Sungai Nil.
 - C Tamadun Harappa-Mohenjodaro di Lembah Sungai Indus.
 - D Tamadun Harappa-Mohenjodaro di Lembah Sungai Ganges.
 - E Tamadun Mesopotamia di Lembah Sungai Tigris dan Euphrates.
- S3 Ciri-ciri utama tamadun adalah
- i kehidupan bandar
 - ii sistem politik dan pemerintahan
 - iii ketiadaan sistem nilai moral yang berwibawa
 - iv status sosial yang sama untuk semua ahli masyarakat
 - v tahap pencapaian ilmu sains dan teknologi yang tinggi
- A iii dan iv
 - B i, ii dan v
 - C i, ii dan iii
 - D ii, iv dan v
 - E i, iii dan iv
- S4 Kelahiran dan perkembangan tamadun berpunca daripada
- i agama
 - ii politik
 - iii ekonomi
 - iv geografi
 - v sains dan teknologi
- A i, iv dan v
 - B i, iii dan v
 - C iii, iv dan v
 - D i, iii, iv dan v
 - E Semua di atas

S5 Keruntuhan tamadun berpunca daripada

- i penghijrahan manusia
- ii pemikiran yang jumud
- iii pemerintahan yang zalim
- iv nilai-nilai moral yang kukuh
- v perebutan kuasa pemerintahan

- A i dan ii
- B iii dan iv
- C i, ii dan iv
- D ii, iii dan v
- E i, ii, iv dan v

S6 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai hubungan antara tamadun dan agama

- A Kehidupan beradab adalah juga tuntutan kehidupan beragama
- B Kehidupan di kota tidak sehaluan dengan kehidupan beragama
- C Tamadun dan agama tidak mempunyai kaitan kerana mereka merujuk kepada dua perkara yang berasingan
- D Tamadun merujuk kepada pencapaian manusia dalam kehidupan bermasyarakat manakala agama adalah mengenai kepercayaan sahaja
- E Tamadun merujuk kepada usaha manusia untuk mencapai kesempurnaan di dunia manakala agama merujuk kepada kehidupan selepas mati atau di akhirat

S7 Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai hubungan antara tamadun dan budaya

- A Semua yang bertamadun adalah juga berbudaya
- B Ada unsur dan amalan budaya yang tidak bertamadun
- C Budaya dan tamadun berkait rapat walaupun maksud mereka berbeza
- D Semua unsur dan amalan budaya boleh dianggap sebagai bertamadun
- E Budaya terbatas kepada kawasan geografi dan bangsa tetapi tamadun tidak terbatas

S8 Tanda ketamadunan yang utama adalah

- A adat
- B bandar
- C kerajaan
- D perdagangan
- E kesusasteraan

- S9 Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai hubungan antara tamadun dan agama
- A Tamadun berasal dari agama
 - B Agama merupakan faktor kelahiran tamadun
 - C Agama merupakan asas kepada pembentukan tamadun
 - D Tamadun merupakan asas kepada pembentukan agama
 - E Agama merupakan asas kepada perkembangan tamadun
- S10 Dalam bahasa Arab, istilah *tamadun* yang berkaitan dengan perkataan *madanna* dan *madinah* berasal dari perkataan _____.
- A *al-din*
 - B *al-adab*
 - C *al-dunya*
 - D *al-mudun*
 - E *al-madda*
- S11 Pilih sumbangan tamadun yang **tidak tepat**
- A Pembuatan kertas – Tamadun Cina
 - B Mesin percetakan – Tamadun Barat Moden
 - C Pembinaan piramid – Tamadun Mesir kuno
 - D Pembinaan bandar Persepolis – Tamadun Parsi
 - E Penciptaan sistem perpuluhan – Tamadun India
- S12 Tokoh-tokoh yang terlibat dengan penulisan mengenai tamadun adalah
- i Han Su Yin
 - ii Ibn Khaldun
 - iii Jawaharlal Nehru
 - iv Arnold Toynbee
 - v Samuel Huntington
- A i dan iv
 - B i, ii dan iv
 - C i, ii dan iii
 - D i, iii dan v
 - E ii, iv dan v

- S13 Asimilasi adalah kesan atau hasil dari interaksi antara tamadun. Ia bermaksud
- A penerimaan perbezaan antara satu sama lain.
 - B pertentangan dan perbalahan antara satu sama lain.
 - C penyerapan budaya yang menghilangkan identiti yang asal.
 - D campuran yang menghasilkan suatu yang baru.
 - E penyerapan budaya yang tidak menghilangkan identiti yang asal.
- S14 Interaksi antara tamadun berlaku melalui
- i penjajahan
 - ii pendidikan
 - iii penjelajahan
 - iv hidup berjiran
 - v penyebaran agama
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C i, ii dan iii
 - D i, iii dan v
 - E semua di atas
- S15 Berikut adalah kesan pengaruh Tamadun India yang terdapat dalam masyarakat Melayu **kecuali**
- A Hikayat Seri Rama
 - B Hikayat Pendawa Lima
 - C pemakaian sari untuk wanita
 - D penggunaan warna kuning untuk keluarga diraja
 - E penerimaan perkataan Sanskrit seperti *upaya*, *agama*, *puasa*, dalam Bahasa Melayu
- S16 _____ adalah penulis buku terkenal berjudul *The Clash of Civilisations and Remaking of World Order*.
- A Ali Mazrui
 - B Bernard Lewis
 - C Samuel Johnson
 - D Francis Fukuyama
 - E Samuel Huntington

S17 Ciri-ciri kesejagatan dalam Tamadun Islam adalah ia

- i menyeru keadilan untuk semua insan
- ii mencakupi seluruh aspek kehidupan
- iii menerima ciri yang ada dalam tamadun lain
- iv sesuai pada semua tempat dan masa
- v menekankan pencapaian tertinggi yang boleh dicapai oleh manusia

- A i dan ii
- B i, ii dan iii
- C ii, iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv
- E ii, iii, iv, dan v

S18 Dua konsep utama yang ditekankan oleh Islam untuk memastikan orang bukan Islam dapat menjalani kehidupan yang harmoni dan sejahtera adalah

- i keadilan
- ii toleransi
- iii kejujuran
- iv keamanan
- v kesederhanaan

- A i dan ii
- B iv dan v
- C iii dan v
- D ii dan iii
- E iii dan iv

S19 Berikut merupakan sumber ekonomi Islam di Madinah **kecuali**

- A *zakat*
- B *iddah*
- C *kharaj*
- D *jizyah*
- E *ghanimah*

- S20 Nabi Muhammad s.a.w menjalinkan ikatan persaudaraan antara golongan *Muhajirin* dan
- A *Aus*
 - B *Ansar*
 - C *Yahudi*
 - D *Quraish*
 - E *Khazraj*
- S21 Islam merupakan teras kepada sebuah tamadun agung kerana
- A mementingkan perdamaian
 - B menekankan kehidupan dunia
 - C menekankan kehidupan spiritual
 - D agama yang berasal dari tanah Arab
 - E tidak memisahkan urusan keduniaan dan urusan keagamaan
- S22 Salah satu ciri khusus yang terdapat dalam Tamadun Islam adalah
- A persaudaraan
 - B perpaduan
 - C nilai kemanusiaan
 - D pendidikan
 - E konsep *al-ummah*
- S23 Sumbangan terbesar Islam terhadap Tamadun Melayu adalah
- A menjamin kesejahteraan manusia
 - B menekankan kepentingan pendidikan
 - C memastikan kehidupan sosial yang harmoni
 - D memberi 'jiwa' terhadap kemajuan yang sebenar
 - E menyediakan panduan ke arah kejayaan dalam aspek material
- S24 Paksi atau paradigma asas dalam pencapaian Tamadun Islam adalah
- A *akhlak*
 - B *tauhid*
 - C *tawakkal*
 - D keyakinan
 - E kesungguhan

- S25 Nama perpustakaan yang merupakan pusat terjemahan pada zaman Harun al-Rasyid adalah
- A Dar al-Ilm
 - B Baitul Ulum
 - C Baitul Hatim
 - D Baitul Hikmah
 - E Dar al-Hikmah
- S26 Hukuman sebat ke atas orang Islam yang meminum arak adalah untuk memelihara
- A akal
 - B jiwa
 - C agama
 - D nyawa
 - E maruah
- S27 Undang-undang Keluarga Islam adalah untuk memelihara
- A akal
 - B jiwa
 - C agama
 - D nyawa
 - E maruah
- S28 Berikut adalah kesan pengaruh Tamadun Islam yang terdapat dalam masyarakat Melayu **kecuali**
- A tersebarnya agama Islam
 - B istilah-istilah Arab digunakan dalam Bahasa Melayu
 - C pengaruh Arab dan Parsi dalam seni bina masjid
 - D Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pertuturan.
 - E penterjemahan buku-buku Arab ke dalam Bahasa Melayu.

S29 Berikut adalah perkataan-perkataan China yang diserapkan ke dalam Bahasa Melayu hasil daripada interaksi antara tamadun

- i cincau
 - ii bangsal
 - iii asrama
 - iv cemar
 - v tahlil
- A i, ii dan v
 - B i, ii dan iii
 - C i, iv dan v
 - D iii, iv dan v
 - E semua di atas

S30 Ciri-ciri masyarakat Jahiliah adalah

- i tidak mempunyai nabi dan kitab suci
 - ii tidak mempunyai peradaban
 - iii masyarakatnya tidak boleh menulis dan membaca
 - iv masyarakatnya tidak berakhlak
 - v masyarakatnya bersifat angkuh dan sombong
- A i, ii dan v
 - B i, ii dan iii
 - C i, iv dan v
 - D iii, iv dan v
 - E semua di atas

S31 “Melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan berimbang.” Pernyataan ini merujuk kepada

- A Objektif Islam Hadhari.
- B Visi Islam Hadhari
- C Misi Islam Hadhari.
- D Prinsip-prinsip Islam Hadhari
- E Definisi Islam Hadhari

S32 Ciri-ciri “Keimanan dan Ketakwaan kepada Allah” adalah

- i al-Quran dan Al-Sunnah sebagai sumber rujukan
- ii pembangunan berteraskan *akidah* dan *syariah*
- iii tiada paksaan dalam agama
- iv kebebasan menganut agama lain untuk orang bukan Islam
- v menunaikan tugas dengan amanah serta penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah

- A i and ii
- B semua di atas
- C i, ii dan iv
- D i, ii, iv dan v
- E i, ii, iii dan iv

S33 Objektif utama Islam Hadhari adalah

- i memulihkan kembali alam sekitar.
- ii menguatkan pertahanan.
- iii mengembalikan umat Islam kepada asas-asas yang terkandung dalam al-Quran dan al-Hadis
- iv melaksanakan pembangunan seimbang.
- v membela hak wanita.

- A iii sahaja
- B iii dan iv
- C ii dan iii
- D i, ii dan iii
- E semua di atas

S34 Yang dimaksudkan dengan “Kehidupan Berkualiti” dalam Islam Hadhari adalah

- i institusi keluarga yang stabil
- ii persekitaran yang sihat
- iii tiada diskriminasi
- iv menjiwai etika yang luhur
- v berfikiran dinamik dan progresif

- A iv dan v
- B i, ii, iv dan v
- C i dan ii
- D v sahaja
- E Semua di atas

- S35 Sistem yang digunakan bagi memilih pemimpin adalah
- A *aqad*
 - B *hisab*
 - C *syura*
 - D *walimah*
 - E *khalifah*
- S36 Berikut adalah kerajaan Hindu-Buddha di Kepulauan Melayu **kecuali**
- A Bali
 - B Banjar
 - C Srivijaya
 - D Majapahit
 - E Langkasuka
- S37 Wilayah berikut terletak dalam Kepulauan Melayu **kecuali**
- A Singapura
 - B Sumatera
 - C Selatan Thai
 - D Utara Filipina
 - E Kepulauan Borneo
- S38 Menurut transkrip China, Islam datang ke Kepulauan Melayu melalui
- A Patani
 - B Aceh
 - C Melaka
 - D Sumatera
 - E Mindanao
- S39 Institusi pendidikan Islam di Samudera Pasai adalah
- A masjid
 - B dayah
 - C pondok
 - D pesantren
 - E madrasah

S40 “Berani menghadapi cabaran dan bersifat terbuka.” Ciri-ciri ini terdapat dalam prinsip Islam Hadhari iaitu

- A Rakyat Berjiwa Merdeka
- B Kerajaan Adil Dan Beramanah
- C Pembangunan Diri Yang Seimbang
- D Pembelaan Hak Minoriti Dan Wanita
- E Keimanan Dan Ketakwaan Kepada Allah

S41 Teori kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu melibatkan negara-negara berikut.

- i Arab
- ii India
- iii China
- iv Patani
- v Indonesia

- A i dan v
- B i dan iv
- C i, iii dan v
- D i, ii dan iii
- E ii, iii dan iv

S42 Berikut adalah nama bagi pusat perdagangan dan juga kerajaan Islam **kecuali**

- i Perlak
- ii Medan
- iii Melaka
- iv Padang
- v Sulawesi

- A i dan iv
- B i dan ii
- C i, iii dan v
- D ii, iii dan v
- E ii, iv dan v

- S43 Bahasa tempatan yang dominan sebelum kedatangan Islam adalah
- i Sanskrit
 - ii Jawa Kuno
 - iii Melayu Kuno
 - iv Melayu Latin
 - v bahasa isyarat
- A ii dan iv
 - B ii dan iii
 - C i, iv dan v
 - D i, ii dan iii
 - E iii, iv dan v
- S44 Islam telah disebarkan dari Melaka ke _____ melalui perkahwinan dan hubungan diplomatik.
- i Siak
 - ii Jawa
 - iii Rokan
 - iv Banjar
 - v Sumatera
- A i dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii iii dan iv
 - E i, ii, iii dan iv
- S45 Siri serangan Aceh yang dilakukan terhadap Portugis di Melaka adalah pada zaman pemerintahan
- i Sultan Muzafar Syah
 - ii Sultan Iskandar Muda
 - iii Sultan Alaudin Riayat Syah
 - iv Sultan Muzafar Riayat Syah
 - v Sultan Alaudin Mahmud Syah
- A i dan ii
 - B i dan v
 - C i dan iii
 - D ii dan iii
 - E iii dan iv

S46 Pusat pertapakkan Islam terawal di Jawa adalah

- i Giri
 - ii Perlak
 - iii Gresik
 - iv Demak
 - v Panjang
- A i dan v
 - B i, ii dan iii
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan v
 - E i, ii, iii dan iv

S47 Islam Hadhari adalah

- i suatu agama baru
 - ii ajaran Islam terkini
 - iii pemikiran mazhab lama
 - iv pendekatan berdasarkan *maqasid al-syariah*
 - v pendekatan berdasarkan *siasah al-syariyyah*
- A iii dan v
 - B v sahaja
 - C iv dan v
 - D iv sahaja
 - E i, ii, iii dan iv

S48 Sumber-sumber Tamadun Islam adalah

- i akal
 - ii *ijma'*
 - iii *qiyas*
 - iv al-Quran
 - v al-Sunnah
- A iii sahaja
 - B i dan ii
 - C i, ii dan iv
 - D i, ii, iv dan v
 - E ii, iii, iv dan v

S49 Istilah “Hadhari” bermaksud

- i tamadun
- ii yang bertamadun
- iii masyarakat berbudaya tinggi
- iv pembangunan semasa dan terkini
- v Islam yang menekankan ketamadunan

- A i dan iii
- B v sahaja
- C iii sahaja
- D i, iii dan iv
- E i, ii, iii dan iv

S50 Berikut adalah prinsip-prinsip Islam Hadhari

- i Penjagaan Keturunan
- ii Pembangunan Maruah
- iii Kerajaan Adil Dan Beramanah
- iv Pemuliharaan Alam Semula Jadi
- v Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti Dan Wanita

- A i, ii dan v
- B i, ii dan iii
- C i, iv dan v
- D iii, iv dan v
- E semua di atas